

20,000 bakal hadir Karnival Kerjaya Kebangsaan UMS 2012

Ums 16/05/2012 30

KOTA KINABALU 15 Mei - Lebih 20,000 pengunjung termasuk pelajar kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu dijangka mengunjungi Karnival Kerjaya Kebangsaan UMS yang akan berlangsung selama dua hari di Dewan Kuliah Pusat 2 UMS bermula Jumaat ini.

Timbalan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kassim Md. Mansur berkata, karnival kali ketiga itu akan disertai pelbagai syarikat termasuk syarikat terkenal di seluruh negara.

"Karnival ini memberi peluang kepada pelajar tahun akhir institut pengajian tinggi bersemuka dan berinteraksi dengan syarikat dan agensi luar.

"Kita juga berharap lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia datang dan melihat syarat yang diperlukan majikan sebagai panduan kepada mereka memilih

kursus pengajian," katanya pada sidang akhbar di bilik mesyuarat Anjung Siswa UMS di sini hari ini.

Turut hadir, Pengarah Pusat Hubungan Industri UMS, Prof. Madya Dr. Roszehan Mohd. Idrus.

Menurut Kassim, kira-kira 14,000 pelajar yang berada di kampus UMS dijangka akan turut memeriahkan lagi sambutan ini.

Selain pameran kerjaya, pengisian program itu termasuklah ceramah kesedaran, ujian kerjaya, bengkel kerjaya dan temu duga terbuka.

Kassim berkata, antara syarikat yang akan terlibat dalam program itu adalah Maybank, Sime Darby, SP Setia dan Tan Chong Motor.

"Setakat ini lebih 20 syarikat telah menyatakan persetujuan dan kita akan terus menerima mana-mana syarikat yang berminat," katanya.



**DR. KASSIM
MD. MANSUR**